

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.3 ( 14 )

17 Mei 2023  
26 Syawal 1444H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 29/2023

### PEMAKAIAN POLISI AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa mesyuarat Senat Bil. 6/2022/2023 bertarikh 29 Mac 2023 serta Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 126 pada 2 Mei 2023 telah meluluskan pemakaian Polisi Akademik Universiti Teknologi Malaysia.

2. Polisi Akademik UTM ini adalah bertujuan:

- i) Menjadi panduan kepada organisasi dalam memacu pengurusan akademik di UTM;
- ii) Menjadi dokumen rujukan untuk mencapai halatuju UTM bagi melahirkan bakat holistic dan inovatif yang cemerlang dalam akademik serta mampu memberi penyelesaian berinovasi untuk kemakmuran sejagat;
- iii) Memastikan pengurusan pelaksanaan program akademik, pengurusan akademik pelajar, pengurusan pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan inovasi pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan merangkumi keperluan pendidikan tinggi negara.

3. Polisi ini terpakai kepada semua staf dan Pusat Tanggungjawab Universiti. Polisi Akademik ini boleh dimuat turun di <https://my.utm.my/>

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai pemakaian Polisi Akademik Universiti Teknologi Malaysia yang berkuat kuasa mulai dari tarikh kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada **2 Mei 2023**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah